

11/08/1998

Lulus usul sokong kekal KIK

DEWAN Undangan Negeri (DUN) Selangor hari ini sebulat suara meluluskan usul menyokong Kerajaan Persekutuan mengekalkan pusat pemeriksaan imigresen, Kastam dan Kuarantin (KIK) di stesen keretapi di Tanjong Pagar.

Usul itu mendapat sokongan penuh DUN selepas dibahaskan oleh enam Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) termasuk parti pembangkang, Dr Onn Hong Geok (DAP-Damansara Utama).

Bagaimanapun, Teng Chang Khim (DAP-Bukit Gasing) membangkang usul itu kerana berpendapat usul itu membabitkan hal ehwal luar negara yang tersenarai dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan sehingga menimbulkan kekecohan sebelum diarahkan keluar dewan oleh Speaker DUN Selangor, Datuk Onn Ismail.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, ketika membentangkan usul itu, berkata kerajaan negeri menyokong penuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani isu itu dengan meletakkan penyelesaiannya di tangan Singapura.

Beliau berkata, Malaysia mengamalkan dasar memperkayakan jiran kerana yakin sepenuhnya bahawa dasar ini akan memberi faedah bukan sahaja kepada rakyat negara berkenaan tetapi juga di rantau ini.

"Justeru, adalah dikesali bahawa Singapura tidak membalas pendekatan positif, layanan istimewa dan sikap tolak ansur yang dipraktikkan oleh Malaysia, sebaliknya kita melihat Singapura dengan konsisten menunjukkan sikap angkuh terhadap Malaysia dan rakyatnya.

"Ketidakprihatinan dan sikap `kiasu' atau takut kalah Singapura dapat dilihat dalam pendekatannya terhadap Malaysia tidak kira dalam perkara yang kecil atau besar.

"Contohnya, peraturan Singapura yang memerlukan tangki minyak kereta warga negaranya dipenuhi tiga suku sebelum menyeberangi Tambak Johor," katanya.

Beliau berkata, Singapura juga selalu mempergunakan medianya atau mengancam untuk membabitkan pihak ketiga dalam isu yang mana kemahuannya tidak dapat dicapai sepenuhnya.

"Singapura juga mempunyai kecenderungan untuk menggunakan taktik yang berunsur ugutan dalam urusannya dengan Malaysia dan kita lihat Singapura sekarang mendesak Malaysia memindahkan pusat kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dari Tanjong Pagar keluar dari Singapura," katanya.

(END)